

# *Vaughan Roberts* *Karya Agung*

*Menelusuri rancangan  
penebusan dan penyelamatan  
Allah dalam Alkitab*



## **Karya Agung**

Penulis : Vaughan Roberts  
Penterjemah : Steffisley Mosingki  
Penyunting : Randy Singkee  
Kulit buku : Erika Lee Pik Kay

Cetakan Pertama: April 2012

Hakcipta © 2002 Vaughan Roberts  
God's Big Picture

Hakcipta © 2009 Edisi Bahasa Inggeris  
Inter-Varsity Press

Hakcipta © 2012 Edisi Bahasa Malaysia  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Petikan Alkitab diambil dari:

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Daftar Isi



Prakata	3
Pengenalan	7
Alkitab ialah satu kitab Kerajaan Allah	7 15
<b>1. Pola Kerajaan</b>	21
Pembelajaran Alkitab: Kejadian 1:1 – 2:25	29
<b>2. Kerajaan Yang Telah Musnah</b>	31
Pembelajaran Alkitab: Kejadian 3	39
<b>3. Kerajaan Yang Dijanjikan</b>	41
Pembelajaran Alkitab 17:1-8; Galatia 3:6-1	51
<b>4. Kerajaan Separa</b>	53
Umat Allah : Kejadian 12 – Keluaran 18	54
Pemerintahan dan berkat Allah	63
Pembelajaran Alkitab: Keluaran 19:1–13; 20:1–17	69
Tempat Allah	71
Raja dari Allah	75
Pembelajaran Alkitab: 2 Samuel 7:1–17	85
<b>5. Kerajaan Yang Dinubuatkan</b>	87
Pembelajaran Alkitab: Hosea 1 – 3	103

<b>6. Kerajaan Masa Kini</b>	105
Pembelajaran Alkitab: Lukas 1:39–80; 2:25–32	118
<b>7. Kerajaan Yang Diumumkan</b>	121
Pembelajaran Alkitab: 2 Korintus 4	135
<b>8. Kerajaan Yang Disempurnakan</b>	137
Pembelajaran Alkitab: Wahyu 21:1–8; 21:22 – 22:5	150
Epilog	153
Nota-Nota	160

Jika anda berminat untuk membuat satu siri pelajaran berdasarkan bahan-bahan di dalam buku ini, sumber-sumber dalam Bahasa Inggeris untuk dimuat turun boleh didapati di [www.ivpbooks.com/resources](http://www.ivpbooks.com/resources)

# Pengenalan

## **Alkitab ialah satu kitab**

### ***Kejahilan akan Alkitab***

Seorang pegawai polis mengunjungi sebuah sekolah rendah di mana dia telah diminta untuk mengajar di sebuah kelas Alkitab. Dia memulakan kelasnya dengan bertanya, 'siapa yang telah meruntuhkan dinding Yeriko?' Kelas menjadi sunyi dan para pelajar duduk resah. Tidak lama kemudian, seorang budak lelaki mengangkat tangannya lalu menjawab, 'Tuan, nama saya Bruce Jones. Saya tak tahu siapa yang melakukannya, tetapi itu bukan angkara saya.'

Polis tersebut berfikir bahawa jawapan budak tersebut sangat nakal. Lalu dia melaporkan kejadian tersebut kepada guru besar sekolah. Selepas terdiam seketika, guru besar tersebut menjawab, 'Saya kenal dengan Bruce Jones; dia seorang budak yang jujur. Jika dia berkata itu bukan angkaranya, dia berkata benar.'

Pegawai polis itu menjadi geram. Dia berfikir sama ada guru besar tersebut biadab ataupun sangat jahil. Lalu dia menulis laporan kepada Kementerian Pendidikan untuk membuat aduan. Dan dia menerima balasan yang berbunyi demikian: 'Tuan, kami berasa sangat kesal mendengar musibah yang telah menimpa dinding Yeriko dan juga tidak ada pihak yang mengaku bersalah di dalam melakukan jenayah tersebut. Jika pihak tuan memberikan kami anggaran pembaikpulihan, kami akan mencuba untuk melakukan sesuatu bagi menanggung kos tersebut.'

Cerita ini sangat kebudak-budakan dan kemungkinan besar ianya

hanya rekaan, tetapi ia mempunyai mesej yang sangat penting. Beberapa dekad dahulu, semua orang mengetahui cerita mengenai Yosua dan dinding Yeriko. Bilangan kanak-kanak yang menghadiri sekolah minggu sangat besar dan yang selebihnya masih menerima pelajaran mengenai cerita-cerita utama Alkitab di sekolah. Tetapi hari-hari tersebut sudah lama berlalu. Saya menceritakan kisah anak yang hilang kepada seorang pelajar Universiti Oxford baru-baru ini. Dia memandang saya dengan penuh kebingungan. Secara umumnya, orang bukan Kristian langsung tidak mengetahui isi kandungan Alkitab. Buku tersebut masih merupakan buku terlaris di dunia. Sebanyak 1.25 juta naskah dijual di UK setiap tahun. Bahkan ramai orang yang memiliki sekurang-kurangnya senaskah dan tersusun rapi di rak buku mereka. Tetapi bilangan mereka yang pernah membaca buku tersebut amat sedikit sekali.

Pengetahuan orang Kristian mengenai Alkitab juga lebih kurang sama. Kita semua mempunyai petikan kegemaran masing-masing tetapi kebanyakan muka surat di dalam Alkitab masih lagi kekal sebagai ruang yang belum diterokai, terutamanya Perjanjian Lama. Jika kita bersikap jujur, kadang-kala kita merasakan Perjanjian Lama sudah ketinggalan zaman. Malah ia terlalu asing bagi agama Kristian. Apa kena-mengena hukum makanan, korban haiwan dan Bait Suci dengan Yesus Kristus? Dan bagaimana pula dengan peristiwa keluaran daripada Mesir, Daud dan Goliat, dan Daniel di dalam gua singa? Semua cerita tersebut hebat dan menarik. Tetapi apakah hubungannya dengan kita hari ini? Saya berharap agar buku ini dapat memberikan jawapan kepada semua soalan ini, setidak-tidaknya untuk memberikan satu rangka yang akan membolehkan anda untuk mencari jawapan sendiri. Tujuan buku ini ditulis ialah untuk membantu orang Kristian mencari jalan mereka menerokai Alkitab dan melihat bagaimana setiap bahagian melengkap satu sama yang lain dan menghalakan kita kepada Yesus.

### ***Satu koleksi pelbagai hasil tulisan***

Alkitab ialah satu koleksi pelbagai hasil tulisan. Ia mengandungi 66 buku yang ditulis oleh lebih kurang 40 orang penulis dalam satu jangka masa 2,000 tahun. Ia mempunyai dua bahagian uta-

ma (Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru) yang ditulis di dalam dua bahasa utama (Ibrani dan Yunani), dan mengandungi pelbagai jenis kesusasteraan yang berbeza.

Alkitab kita hari ini mempunyai 39 kitab (buku) di dalam Perjanjian Lama yang disusun seperti yang terdapat di dalam Jadual 1. Ini adalah mengikut susunan terjemahan Alkitab Ibrani ke dalam bahasa Yunani, *Septuagint*, yang dihasilkan pada kurun ketiga Sebelum Masihi.

Sejarah	Puisi	Nubuatan
Kejadian hingga Ester	Ayub hingga Kidung Agung	Yesaya hingga Maleakhi

Jadual 1: Perjanjian Lama (Alkitab Moden)

Alkitab Ibrani (Perjanjian Lama) mempunyai susunan yang agak berbeza, seperti yang tertera di Jadual 2.

Hukum Taurat	Nabi-Nabi	Hasil Tulisan
Kejadian hingga Ulangan	<i>Nabi Awal</i> (kitab-kitab sejarah Yosua ke 2 Raja-Raja) Nabi Akhir (Yesaya-Maleakhi)	Mazmur, sastera hikmat, sejarah pembuangan dan seterusnya.

Jadual 2: Perjanjian Lama (Alkitab Ibrani)

Perjanjian Baru terdiri daripada 27 kitab, kesemuanya ditulis di abad pertama tahun Masihi. Kitab Injil adalah empat tulisan mengenai kelahiran, kehidupan, ajaran, kematian dan kebangkitan Yesus. Kisah Para Rasul pula ditulis oleh Lukas sebagai kesinambungan Injil yang ditulis olehnya. Ia adalah tentang sejarah penyebaran berita baik tentang Yesus Kristus selepas Dia diangkat ke Syurga. Surat-surat gereja (Episels) pula adalah surat-surat yang kebanyakannya ditulis oleh para rasul yang dipilih oleh Yesus Kristus sendiri. Roh Kudus menyatakan kebenaran Yesus Kristus kepada para penulis ini supaya mereka

mampu untuk mengajar kepentingan sepenuhnya tentang penyelamatan Kristus dan kesan-kesannya. Paulus merupakan penulis utama surat-surat ini (dari Roma hingga ke Filemon), tetapi Perjanjian Baru juga mengandungi hasil tulisan Petrus, Yohanes, Yakobus (saudara Yesus) dan Yudas. Tidak ada seorangpun yang mengetahui siapakah penulis surat Ibrani. Kitab yang terakhir di dalam Alkitab ialah Wahyu. Ia menerangkan sebuah penglihatan yang diterima oleh Yohanes mengenai realiti kerohanian yang biasanya tersembunyi dari pandangan. (Rujuk Jadual 3).

<b>Kitab Injil</b>	Matius, Markus, Lukas, Yohanes
<b>Kisah Para Rasul</b>	Sejarah penyebaran Injil di abad pertama yang ditulis oleh Lukas.
<b>Surat-Surat</b>	Roma hingga Yudas (sebahagian besar adalah ditulis oleh Paulus)
<b>Wahyu</b>	Penglihatan daripada Allah kepada Yohanes

Jadual 3: Perjanjian Baru

### ***Hanya seorang penulis***

Walaupun Alkitab terdiri daripada pelbagai bahan, dan ditulis oleh ramai pengarang di dalam satu jangka masa yang panjang, ia tetap bersatu sebagai satu kitab. Secara harafiahnya, Alkitab ialah sebuah buku yang dikarang oleh seorang penulis dengan satu tema utama. Oleh kerana semua kebenaran ini ialah asas kepada gambaran besar bagi rancangan Allah, adalah sangat penting untuk kita memahaminya sebelum kita melanjutkan pelajaran kita.

Rasul Paulus menulis bahawa, 'Segala yang tertulis di dalam Alkitab dilihat oleh Allah' (2 Timotius 3:16). Sebahagian besar Perjanjian Baru masih belum ditulis ketika itu. Ini bermaksud dia merujuk kepada apa yang kita kenali sebagai Perjanjian Lama. Walau bagaimanapun, para penulis Perjanjian Baru mengisytiharkan perkara yang sama kepada karya mereka. Mereka yakin bahawa ajaran mereka ialah Firman Tuhan sendiri (contohnya 1 Korintus 14:37; 1 Tesalonika 2:13; 2 Petrus 3:16).




Orang-orang Muslim diajar bahawa Muhammad tidak menyumbang secara kreatif kepada pengeluaran buku suci mereka. Dia hanyalah seorang setiausaha yang merekodkan semua yang diturunkan kepadanya daripada Allah melalui malaikat Jibril. Mereka akan menjadi marah kepada tanggapan Al-Quran adalah hasil buatan manusia. Tetapi orang Kristian tidak seharusnya mempunyai sebarang rasa sangsi untuk menerima hakikat yang Alkitab adalah karya tangan manusia. Ia ialah sebuah buku yang dihasilkan oleh ramai penulis, dalam satu jangka masa dan sejarah yang berbeza, dan hasil tulisan mereka menandakan personaliti serta era penghasilan mereka. Tetapi Allah berjanji bahawa melalui Roh Kudus-Nya, para penulis tersebut akan berkarya selaras dengan kehendak-Nya. Sama seperti Tuhan Yesus yang sepenuhnya Ilahi dan sepenuhnya manusia biasa, Alkitab juga sepenuhnya hasil tulisan manusia dan Ilahi. Ia ialah Firman Allah: Allah sendirilah penulisnya.

### ***Hanya satu subjek***

Jelas sekali Alkitab merangkumi pelbagai aspek. Tetapi ia diikat oleh satu subjek utama: Yesus Kristus dan keselamatan yang Allah tawarkan melalui-Nya. Subjek ini bukan sahaja terdapat di Perjanjian Baru, tetapi juga di Perjanjian Lama. Yesus merujuk kepada Perjanjian Lama dan mengatakan bahawa 'Kitab-kitab Suci itu memberi kesaksian tentang Aku' (Yohanes 5:39). Selepas kebangkitan-Nya, Dia berjumpa dengan dua orang percaya yang ketika itu sedang dalam perjalanan ke Emmaus lalu membawa mereka untuk mempelajari Alkitab. Betapa beruntungnya mereka! 'Dia menjelaskan kepada mereka apa yang tertulis tentang Dia dalam seluruh Kitab Suci, mulai dari kitab-kitab Musa dan segala kitab nabi-nabi' (Lukas 24:27). Tidak lama selepas itu, Dia berjumpa dengan murid-murid-Nya dan berkata 'Inilah perkataan-Ku, yang telah Kukatakan kepadamu ketika Aku masih bersama-sama dengan kamu, yakni bahwa harus digenapi semua yang ada tertulis tentang Aku dalam kitab Taurat Musa dan kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur'(Lukas 24:44). Dia merujuk kepada tiga bahagian utama yang terdapat di dalam Kitab Suci Ibrani. Rasul Paulus juga mempercayai bahawa Perjanjian Lama mengahla kepada Yesus. Dia berkata bahawa 'Kitab Suci [Perjanjian Lama] yang dapat memberi hikmat kepadamu dan menuntun

engkau kepada keselamatan oleh iman kepada Kristus Yesus' (2 Timotius 3:15).

Ramai orang Kristian beranggapan bahawa Allah memutuskan untuk menghantar Yesus ke bumi selepas rancangan pertama-Nya gagal. Rancangan asal Allah (Rancangan A) adalah untuk memberikan manusia peluang untuk menjadi umat-Nya dengan menaati hukum Taurat. Tetapi mereka telah gagal, lalu Dia menggaru kepala-Nya kemudian merumuskan rancangan yang baru (Rancangan B): untuk menyelamatkan manusia dengan Kasih Kurnia-Nya melalui kematian Yesus. Tanggapan ini sudah jauh tersimpang daripada kebenaran. Allah sudah lama merancang untuk menghantar Yesus. Keseluruhan Alkitab menghala kepada-Nya dan menjanjikan kedatangan-Nya di masa akan datang. Di dalam Perjanjian Baru, Allah mengisytiharkan bahawa Dialah yang akan menggenapi semua janji-janji tersebut (Rajah 1).



Rajah 1: Rancangan Allah

### ***Bukan sebuah buku nukilan***

Fakta bahawa Alkitab ialah satu buku (kitab) harus memberikan impak yang besar kepada cara kita membacanya. Cara anda membaca sebuah buku bergantung kepada jenis buku yang anda baca. Contohnya, kita tidak akan membaca cereka Shakespeare seperti membaca buku telefon, ataupun sebuah novel seperti buku nukilan. Saya baru sahaja menyelak halaman sebuah buku nukilan politik dengan rambang lalu terbaca komen Winston Churchill terhadap Field Marshall Montgomery: 'di dalam kekalahan tidak mampu ditubangkan; di dalam kemenangan tidak mampu dilalui.' Penyunting buku tersebut tidak mengharapkan saya untuk membaca kata-kata tersebut menurut konteksnya. Saya tidak perlulah membaca petikan yang ada sebelum dan selepas nukilan tersebut. Setiap ayat yang ada di dalam buku tersebut tidak mempunyai kaitan di antara satu sama yang lain.

Sebuah novel harus dibaca dengan cara yang berbeza. Setiap ayat haruslah difahami selaras dengan ayat-ayat yang lain. Jika saya menyelak halaman buku karya Agatha Christie yang bertajuk *The Body in the Library*, lalu saya terbaca ‘pertaruhkan semuanya – itu pegangan saya! Ya, saya sangat bertuah kerana budak itu dicekik oleh orang lain.’ Pasti saya akan menjadi bingung. Siapa yang sedang berkata-kata? Siapa yang dicekik? Jika saya mahu memahami cerita tersebut, saya harus mengetahui apa yang berlaku sebelum dan selepas peristiwa tersebut.

Begitu juga dengan Alkitab. Dengan pengecualian kepada kitab Amsal, Alkitab tidak mengandungi bahan yang tidak berkenaan dengan bahagian yang lain. Saya tidak seharusnya membaca secara rawak lalu mengambil ayat-ayat di luar konteks mereka. Saya pasti akan tersalah-faham akan Alkitab jika saya membacanya sedemikian. Setiap ayat harus difahami selaras dengan konteks bab tersebut, dan bab-bab lain dalam keseluruhan kitab itu. Bukan itu sahaja, kita juga harus mempertimbangkan konteks yang lebih luas lagi: Alkitab secara keseluruhannya.

### ***Bukan satu koleksi buku-buku***

Saya mempunyai sebuah koleksi novel karya Hermann Hesse. Setiap buku boleh difahami tanpa mengambil kira buku-buku yang lain; mereka hanya diikat oleh kulit yang sama. Ramai orang membaca Alkitab sedemikian: sebagai satu koleksi buku-buku yang boleh dibaca tanpa mengambil kira buku yang lain. Universiti mengajar saya untuk mendekati Alkitab seperti itu. Kami mencari mesej yang terdapat di dalam Yehezkiel, Yunus mahupun Yohanes tanpa mempertimbangkan bagaimana buku-buku tersebut bersesuaian serta menyumbang kepada mesej Alkitab secara menyeluruh. Dan ada satu persempadanan di antara Perjanjian Lama dan Baru. Saya dikritik ketika saya menjawab ‘Yesus’ kepada soalan, ‘siapakah hamba yang dinubuatkan oleh nabi Yesaya?’ Kami tidak didorong untuk membaca Alkitab sebagaimana ia seharusnya dibaca: sebagai satu buku yang menerangkan kisah rancangan Allah untuk menyelamatkan bumi melalui Anak-Nya Yesus Kristus. Jika kita ingin untuk memahami mana-mana bahagian di dalam Alkitab dengan tepat, kita harus

mempertimbangkan bagaimana ia bersesuaian dan apakah sumbangannya terhadap rancangan Allah.

### **Sebuah buku**

Anak-anak Andy gemar untuk membaca. Dia baharu saja membelikan Matt anak lelakinya sebuah buku keluaran baru berjudul *WHODUNNIT* (Angkara Siapa). Anak perempuannya Lizzie juga ingin membaca buku tersebut. Kedai buku sudah kehabisan stok dan Lizzie pula berkeras tidak mahu membaca buku yang lain mahupun menunggu sehingga abangnya selesai membaca. Oleh kerana terdesak, Andy mengambil buku tersebut lalu mengoyakkannya kepada dua bahagian kemudian memberikannya kepada Lizzie dan Matt. Mereka berdua menjadi tidak puas hati. Matt mendapati bahawa Kolonel Bufton-Tufton dibunuh dengan pemegang lilin di dalam bilik biliard, dan bahagian buku yang dimilikinya terhenti di situ tanpa sebarang jawapan siapakah pembunuhnya. Lizzie pula membaca 'ini angkara si pembantu rumah,' tetapi dia langsung tidak mengetahui apa yang terjadi.

Tidak ada seorangpun yang sangat jahil untuk memisahkan buku tersebut seperti itu. Kedua-dua bahagian harus dibaca bersama-sama. Jika tidak, mereka pasti tidak masuk akal. Begitu juga dengan Alkitab. Perjanjian Lama sahaja akan membuat ceritanya tergantung, satu janji tanpa penunai. Kita perlu membaca Perjanjian Baru jika kita ingin memahami isinya. Perjanjian Baru juga kerap memandang ke belakang bagi janji-janji yang ia penuhi. Sukar bagi kita untuk memahaminya jika kita tidak mengetahui perkara-perkara yang telah terjadi di masa lampau. Apakah maksud bagi Yesus sebagai Kristus, Domba Paskah, Anak Abraham dan Anak Daud, pokok anggur yang benar dan Gembala yang baik?<sup>1</sup> Jawapan bagi kesemua soalan ini boleh didapati di dalam Perjanjian Lama. Alkitab haruslah difahami dan dibaca sebagai satu buku dengan seorang penulis utama, Allah; dan satu subjek utama, rancangan Allah untuk keselamatan melalui Anak-Nya Yesus Kristus.

Saya diberitahu bahawa apabila tentera SAS mendarat dengan payung terjun ke suatu tempat yang asing, mereka dilatih untuk berhenti sebelum bergerak. Mereka perlu mendapatkan


kedudukan terlebih dahulu sebelum bergerak ke destinasi yang ingin mereka tuju. Ini merupakan satu nasihat yang bernas untuk kita semua ketika kita membaca Alkitab. Tujuan utama saya di dalam penulisan buku ini ialah untuk memberikan anda satu pandangan keseluruhan mengenai jalan cerita di dalam Alkitab. Ia tidak akan menjadikan anda seorang pakar terhadap semua perincian di dalam Alkitab, tetapi saya berharap agar ia dapat membolehkan anda untuk mendapatkan kedudukan ketika anda mendarat di mana-mana bahagian di dalam Alkitab. Di akhir buku ini anda seharusnya sudah mendapatkan garis panduan Alkitab di dalam fikiran anda, supaya bahagian mana pun yang anda akan baca, anda sepatutnya tahu asal dan destinasi anda. Ia juga akan membantu anda untuk mengkaji bagaimana setiap bahagian menghalu kepada Yesus Kristus dan keselamatan yang Dia laksanakan.

## **Kerajaan Allah**

Sudah sekian lama para ahli teologi berdebat adakah kemungkinan terdapat satu tema yang dapat menyatupadukan Alkitab. Ramai yang mengatakan bahawa usaha sedemikian nyata tidak membuahkan hasil. Adalah lebih baik untuk menerima kenyataan bahawa Alkitab mengandungi beberapa rangkaian yang berbeza, kemudian mengkaji mereka secara berasingan daripada mencuba untuk menyatukan mereka. Mereka memberikan amaran akan bahaya menghimpitkan semua bahagian di dalam satu gumpalan daripada membiarkan mereka untuk berkata-kata secara sendiri di dalam variasi mereka yang kaya. Ini adalah amaran yang penting dan harus didengar. Apa sahaja tema yang digunakan untuk menyatupadukan Alkitab dalam membantu kita untuk melihat bagaimana ia mempunyai kesinambungan di antara satu sama yang lain haruslah datang daripada Alkitab sendiri, bukan cuba mendesak untuk disesuaikan kepadanya. Ia juga haruslah mempunyai ruang bagi membenarkan setiap bahagian di dalam Alkitab untuk memberikan sumbangannya yang tersendiri. Tema Kerajaan Allah memenuhi kedua-dua syarat tersebut.

Kerajaan Allah merupakan satu tema yang berpengaruh di dalam ajaran Yesus. Dia memulakan pelayanan umum-Nya dengan

mengisytiharkan bahawa, 'Waktunya telah genap; Kerajaan Allah sudah dekat...' (Markus 1:15). Dia mengajar mereka bahawa misi-Nya ialah untuk memperkenalkan Kerajaan Allah sebagai pengabulan bagi nubuat-nubuat yang terdapat di dalam Perjanjian Lama. Walaupun frasa 'Kerajaan Allah' tidak terdapat di dalam Perjanjian Lama, konsep yang dibawanya tetap ada. Dalam buku *Gospel and Kingdom*, Graeme Goldsworthy membentangkan Kerajaan Allah sebagai tema utama yang menyatukan keseluruhan Alkitab. Saya akan mengikut jejak beliau di dalam buku ini. 'Pendekatan melalui Kerajaan Allah' bukanlah satu-satunya cara untuk melihat isi kandungan Alkitab. Ada pihak yang lebih suka menggunakan 'pendekatan melalui perjanjian' dan menggunakan janji Allah sebagai titik tengah untuk kesemua elemen lain yang terdapat di dalam Alkitab. Saya berharap agar ia akan menjadi jelas bahawa kedua-dua pendekatan ini tidak bercanggah. Janji-janji Allah adalah janji-janji kerajaan-Nya.



Rajah 2: Kerajaan Allah

Goldsworthy mendefinisikan Kerajaan Allah sebagai 'Umat Allah di dalam tempat Allah di bawah pemerintahan Allah' (Rajah 2).<sup>2</sup> Ia mungkin kedengaran seperti satu definisi yang terlalu ringkas bagi tema yang sangat penting, tetapi walaupun ayat tersebut ringkas, ia mempunyai maksud yang cukup dalam. Allah merindukan manusia untuk menikmati hubungan yang intim dengan-Nya di dalam hadirat-Nya. Oleh kerana Dia ialah Allah yang sempurna dan suci, ini hanya dapat dilaksanakan jika kita tunduk kepada semua perintah-Nya dan tidak berbuat dosa. Demikianlah hidup yang paling sempurna; kehidupan sebagaimana ia diciptakan untuk kita lalui.

Hidup di bawah pemerintahan Allah bermaksud menikmati semua berkat Allah. Kedua-dua perkara ini adalah satu. Inilah yang

dapat kita lihat di Taman Eden sebelum kejatuhan manusia. Tetapi manusia menderhakai Allah dan menyisihkan berkat-berkat-Nya. Kesan-kesan yang timbul adalah cukup parah, bukan kepada manusia sahaja tetapi kepada seluruh alam semesta. Semuanya sudah diseleweng. Walaupun demikian, dengan kasih Allah berjanji untuk membetulkan segalanya dan sekali lagi Dia akan melaksanakan kerajaan-Nya di muka bumi. Bahagian seterusnya di dalam Alkitab menceritakan pengabulan bagi janji tersebut: separuhnya adalah sejarah Israel di zaman Perjanjian Lama, dan selanjutnya disempurnakan melalui Yesus Kristus. Oleh yang demikian, Alkitab ialah buku mengenai rancangan Allah untuk keselamatan: janji-Nya untuk mengembalikan kerajaan-Nya, kemudian janji tersebut dipenuhi melalui Anak-Nya Yesus Kristus.

### ***Sebuah tinjauan Alkitab***

Ketika saya mempelajari kesusasteraan Inggeris di sekolah, saya mendapati bahawa membeli sebuah buku panduan sangat membantu untuk mana-mana buku yang saya sedang baca. Ia sentiasa memberikan sinopsis bagi setiap bahagian, di mana sebuah buku yang tebal akan diringkaskan kepada satu atau dua mukasurat (Rujuk Jadual 4). Saya membahagikan Alkitab kepada lapan bahagian, ia merangkumi zaman-zaman utama bagi rancangan Allah untuk mengembalikan kerajaan-Nya. Tajuk bagi setiap bahagian tersebut saya jadikan sebagai judul bagi setiap bab.

#### **Perjanjian Lama**

1. Pola kerajaan
2. Kerajaan yang telah musnah
3. Kerajaan yang dijanjikan
4. Kerajaan separa
5. Kerajaan yang dinubuatkan

#### **Perjanjian Baru**

6. Kerajaan masa kini
7. Kerajaan yang diumumkan
8. Kerajaan yang disempurnakan

Jadual 4: Satu tinjauan umum Alkitab

## **Perjanjian Lama**

### *1. Pola Kerajaan*

Di Taman Eden, kita melihat dunia sebagaimana yang diinginkan oleh Allah. Sebagai umat Allah, Adam dan Hawa tinggal di Taman Eden yaitu tempat Allah, di bawah pemerintahan-Nya ketika mereka taat kepada firman-Nya. Menurut Alkitab, berada di bawah pemerintahan Allah bermaksud untuk sentiasa menikmati berkat-Nya. Ia adalah cara yang paling sempurna untuk hidup. Ciptaan asal Allah memperlihatkan kita pola kerajaan-Nya, seperti mana ia seharusnya terjadi.

### *2. Kerajaan yang telah musnah*

Sayang sekali, Adam dan Hawa berfikir bahawa hidup akan menjadi lebih baik jika mereka berdikari tanpa TUHAN. Akibatnya adalah sangat parah. Mereka bukan lagi umat Allah. Mereka berpaling daripada-Nya dan TUHAN juga meninggalkan mereka. Mereka tidak lagi berada di tempat Allah. Mereka dihalau keluar daripada taman tersebut. Mereka juga bukan berada di bawah pemerintahan Allah lagi. Akibatnya mereka tidak dapat menikmati berkat-berkat-Nya. Malah mereka berhadapan dengan kutukan dan penghakiman-Nya. Situasi menjadi semakin kusam. Tetapi dengan kasih-Nya yang besar, TUHAN bertekad untuk mengembalikan kerajaan-Nya.

### *3. Kerajaan yang dijanjikan*

Allah memanggil Abraham dan memberikan janji tanpa sebarang syarat kepadanya: Allah akan mengembalikan kerajaan-Nya melalui keturunan Abraham. Mereka akan menjadi umat-Nya, hidup di tanah-Nya serta menikmati berkat-Nya. Kemudian melalui mereka semua manusia di muka bumi akan diberkati. Janji inilah yang dimaksudkan sebagai Injil. Ia dipenuhi secara separa di dalam sejarah Israel, tetapi ia dikotakan sepenuhnya di dalam Yesus Kristus.

### *4. Kerajaan separa*

Alkitab merakam bagaimana janji Allah kepada Abraham digenapi secara separa di dalam sejarah Israel. Melalui pelepasan mereka daripada Mesir, Allah menjadikan keturunan Abraham umat milik-Nya sendiri. Di atas Gunung Sinai TUHAN memberikan mereka semua perintah-Nya agar mereka dapat hidup di bawah pemerintahan serta menikmati semua berkat-Nya, sama seperti Ad-



am dan Hawa sebelum mereka jatuh di dalam dosa. Berkat tersebut dinyatakan dengan jelas melalui hadirat TUHAN yang beserta umat-Nya di dalam Khemah Suci. Mereka memasuki tanah perjanjian dengan pimpinan Yosua. Mereka menikmati keamanan serta kekayaan semasa pemerintahan Raja Daud dan Salomo. Masa itu ialah zaman kegemilangan sejarah bangsa Israel. Mereka merupakan umat Allah, menetap di dalam tempat Allah di tanah Kanaan, berada di bawah pemerintahan sekaligus menikmati berkat-berkat Allah. Tetapi janji yang diberikan kepada Abraham masih belum digenapi sepenuhnya. Masalahnya ialah dosa. Orang Israel secara terus-menerus mengingkari perintah TUHAN. Perkara tersebut membawa kepada kehancuran bagi kerajaan separa ketika Israel jatuh.

#### *5. Kerajaan yang dinubuatkan*

Selepas kematian Raja Salomo, perang saudara terjadi dan kerajaan Israel terbahagi kepada dua: Israel di utara dan Yehuda di selatan. Kedua-duanya tidak teguh. Setelah 200 tahun berpecah, Kerajaan Israel di utara dihancurkan oleh orang Asyur. Kerajaan di selatan bergelut untuk satu kurun berikutnya, tetapi ia juga turut dijajah dan rakyatnya ditawan dan dibuang ke Babel. Ketika era yang sangat menyeksakan inilah Allah berfirman kepada orang Israel dan Yehuda melalui nabi-nabi-Nya. Dia menjelaskan bahawa mereka sebenarnya sedang dihukum kerana dosa mereka tetapi harapan masih lagi ditawarkan bagi mereka di masa hadapan. Kesemua nabi menubuatkan suatu masa di mana TUHAN akan melaksanakan rancangan-Nya melalui seorang Raja, Mesias, untuk menggenapi semua janji-Nya. Orang-orang Yehuda pasti beranggapan masanya telah tiba apabila mereka kembali daripada pembuangan. Tetapi Allah menjelaskan bahawa masa bagi penyelamatan belum lagi tiba. Perjanjian Lama terhenti di situ: mereka menanti ketibaan seorang Raja dari Allah untuk memperkenankan kerajaan-Nya.

#### **Perjanjian Baru**

#### *6. Kerajaan masa kini*

Empat ratus tahun selepas Perjanjian Lama, Yesus memulakan pelayanan umum-Nya dengan berkata, 'Waktunya telah genap; Kerajaan Allah sudah dekat...' (Markus 1:15). Penantian sudah berakhir. Raja dari Allah kini sudah datang untuk mendirikan ke-

rajaan Allah. Kehidupan, ajaran, dan mukjizat-Nya membuktikan bahawa Yesus ialah seperti yang Dia isytiharkan tentang Diri-Nya: Allah yang menjelma menjadi manusia. Dia memiliki kuasa untuk membetulkan segalanya. Dan Dia memilih cara yang paling memeranjatkan untuk melakukannya: dengan mati di dalam kelemahan di atas kayu salib. Dengan kematian-Nya Yesus menguruskan masalah dosa dan membolehkan manusia kembali untuk mempunyai hubungan dengan Bapa. Kebangkitan Yesus telah membuktikan kemenangan-Nya di atas kayu salib dan mewartakan bahawa masih ada harapan bagi dunia kita. Mereka yang mempercayai Kristus boleh berharap untuk hidup selama-lamanya bersama dengan Dia.

### 7. Kerajaan yang diumumkan

Yesus melakukan semuanya yang patut untuk membetulkan kembali dunia dan mendirikan kerajaan Allah melalui kematian dan kebangkitan-Nya. Walau bagaimanapun, Dia tidak menghabiskan segala tugas semasa kedatangan-Nya yang pertama kali. Dia diangkat ke Syurga dan menyatakan dengan jelas bahawa akan ada penangguhan sebelum kedatangan-Nya yang kedua kali. Penangguhan tersebut bertujuan untuk membolehkan lebih ramai orang mendengar berita baik tentang Yesus Kristus supaya mereka boleh mempercayai dan bersedia untuk kedatangan-Nya kembali. Kita sedang hidup di dalam jangka masa ini. Alkitab memanggilnya sebagai 'akhir zaman'. Ia bermula dari hari Pentakosta ketika Allah menghantar Roh-Nya untuk melengkapkan gereja-Nya bagi mewartakan Yesus Kristus kepada seluruh dunia.

### 8. Kerajaan yang disempurnakan

Kristus akan kembali satu hari nanti. Satu pembahagian besar-besaran akan terjadi di mana musuh-musuh Tuhan akan diasingkan daripada hadirat-Nya ke neraka. Tetapi umat-Nya akan beserta Tuhan di dalam satu ciptaan baru yang sempurna. Janji-janji Injil akan digenapi. Kitab Wahyu menjelaskan tentang kerajaan yang sudah dipulihkan. Umat Allah iaitu orang-orang Kristian dari pelbagai suku dan bangsa, akan berada di tempat Allah, satu ciptaan yang baru (Syurga), di bawah naungan pemerintahan Allah dan menikmati berkat-berkat-Nya. Tidak ada perkara yang mampu untuk menghancurkan penamat ini. Ia bukanlah sebuah cerita dongeng, semua pasti berakhir dengan gembira.